



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS
SAMBUTAN ISRA' DAN ME'RAJ PERINGKAT NEGARA BAGI
TAHUN 1444 HIJRAH / 2023 MASIHI**

**PADA HARI SABTU,
27 REJAB 1444 BERSAMAAN 18 FEBRUARI 2023**

**BERTEMPAT DI DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالْمَيْتِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئْمَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهُ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien,
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan ta'zim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan Penasihat-Penasihat dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara, menjunjung ampun menyembahkan sembah junjung kasih di atas limpah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat menyerikan Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj Peringkat Negara pagi ini yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dan dua buah syarikat yang berkaitan dengan pengeluaran bahan barang makanan iaitu Syarikat PDS Sdn Bhd dan Syarikat PaddyCo Sdn Bhd.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik adalah sangat disyukuri.

Ianya menandakan kepimpinan Kebawah Duli Tuan Patik yang istiqamah, konsisten seiring dengan memajukan dan memelihara martabat ugama rasmi negara.

Dalam kesemua itu, rakyat menerimanya sebagai menjadi hasrat serta wawasan kenegaraan Kebawah Duli Tuan Patik. Dan ia diterjemahkan berupa perancangan dan seterusnya pelaksanaan oleh semua sektor kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik. Iaitu perancangan dan pelaksanaan bagi menjadikan negara dan rakyat terus berkembang, mencapai kemajuan yang seimbang, kejayaan yang sebenar merangkumi kepentingan dunia dan akhirat.

Sehubungan dengan itu, mengambil sempena Isra' dan Me'raj yang kita sambut ini keutamaan sembahyang dan kelebihannya telah dijadikan tema sambutan. Kerana ianya adalah signifikan utama dalam peristiwa yang menakjubkan apabila Allah *Subhanahu wa Ta'ala mengisra'* dan *meme'rajkan* Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam*, dalam suatu perjalanan pulang-balik pada sebahagian waktu malam, dengan ruh dan jasmani, merentasi jarak jauh di bumi dan di langit yang tinggi iaitu dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Baitul Maqdis, lalu dari sana di Isra'kan naik ke langit tinggi sampai ke aras yang disebut Sidratul Muntaha.

Dapat ditegaskan bahawa hikmah ibadat sembahyang adalah merupakan jalan menuju kemenangan dengan berusaha mencapai kejayaan. Kerana didapati setiap kali azan untuk dorongan bersembahyang yang disebut *assalah* dikumandangkan serentak dengan itu juga *al-falah* iaitu diserukan: *hayya 'alasolah, hayya 'alalfalah*.

Lafaz atau perkataan *al-falah* itu adalah mengandungi makna tidak setakat kemenangan bahkan juga mengandungi makna yang menandakan daya usaha bagi mencapai kejayaan yang sebenar yang dikehendaki oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Maka untuk itulah ibadat sembahyang mesti dilaksanakan dalam keadaan *khusyu'*, dan sempurna menurut tata cara dan bacaan-bacaannya yang khusus iaitu bermula dari saat bertakbiratul *ihram* hingga berakhir dengan *memberi salam*.

Dengan bersembahyang dalam keadaan *khushu'* yang sempurna itu kita yang beriman ini adalah disifatkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagai orang yang menang dan berjaya. Tentunya ialah kemenangan dan kejayaan yang diredhai oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

قَدْ أَفْلَحَ اللَّهُمَّ الْمُؤْمِنَوْنَ ۞ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ حَشِّعُونَ ۞

Tafsirnya: “Sesungguhnya berjayaalah orang-orang yang beriman. (Iaitu) orang-orang yang khusu’ dalam sembahyang mereka”.

Oleh itu tema sambutan tahun ini akan mendorongkan usaha kita semua untuk istiqamah menunaikan sembahyang. Lebih dari itu ialah berusaha meningkatkan mutu sembahyang sehingga mencapai taraf sembahyang yang ditunaikan dengan khusyu’.

Ampun Beribu Ampun,

Demikianlah signifikannya majlis dan tema sambutan Isra’ dan Me’raj tahun ini.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekali lagi menyembahkaan sembah junjung kasih Kehadapaan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik dengan irungan do’a semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik akan sentiasa dalam perlindungan Allah *Subhanahu wa Ta’ala*, sihat sejahtera dan bahagia dalam limpah rahmat-Nya.

Seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung perkenan bagi menyembahkaan sembah junjung kasih atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda ’Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Diraja,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Terima kasih yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebijakan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua. Amin ya rabbal 'alamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama
26hb Rejab 1444 / 16hb Februari 2023